



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 15 TAHUN 2013**

---

**PENGGABUNGAN PERKHIDMATAN GALIAN, KIMIA BUMI  
DAN KAJI BUMI KEPADA PERKHIDMATAN GEOSAINS  
DI JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai penggabungan perkhidmatan Galian, Kimia Bumi dan Kaji Bumi kepada perkhidmatan Geosains.

**LATAR BELAKANG**

2. Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1999 hasil daripada gabungan Jabatan Penyiasatan Kaji Bumi dan Jabatan Galian di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Pada masa ini terdapat tiga (3) perkhidmatan utama di JMG iaitu perkhidmatan Galian, Kimia Bumi dan Kaji Bumi.

3. Selaras dengan penggabungan tersebut, kerajaan telah bersetuju supaya skim perkhidmatan Galian, Kimia Bumi dan Kaji Bumi turut digabungkan bagi mewujudkan satu perkhidmatan khusus bertujuan memastikan keharmonian organisasi direalisasikan

secara jaya yang turut mempengaruhi pengoperasian di JMG. Penggabungan pengetahuan kepakaran melalui ketiga-tiga perkhidmatan (Galian, Kimia Bumi dan Kaji Bumi) bukan sahaja dapat membentuk kepakaran pegawai malah memberi peluang kemajuan kerjaya dan mobiliti pegawai.

## **PINDAAN**

4. Skim perkhidmatan Pegawai Galian, Pegawai Kimia Bumi, Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi), Penolong Pegawai Galian, Penolong Pegawai Kimia Bumi, Pembantu Galian dan Pembantu Kaji Bumi yang berkuat kuasa dipinda kepada skim perkhidmatan yang baharu seperti berikut:

Sedia Ada	Baharu
(a) Pegawai Galian Gred C41, C44, C48, C52, C54 (b) Pegawai Kimia Bumi Gred C41, C44, C48, C52, C54 (c) Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) Gred C41, C44, C48, C52, C54	Pegawai Geosains Gred C41, C44, C48, C52, C54
(d) Penolong Pegawai Galian Gred C27, C32, C38 (e) Penolong Pegawai Kimia Bumi Gred C27, C32, C38	Penolong Pegawai Geosains Gred C27, C32, C38
(f) Pembantu Galian Gred C17, C22, C26 (g) Pembantu Kaji Bumi Gred C17, C22, C26	Pembantu Geosains Gred C17, C22, C26

## **Skim Perkhidmatan Pegawai Geosains**

5. Skim perkhidmatan Pegawai Geosains diperuntukkan perbekalan seperti berikut:

- (a) syarat lantikan:
- (i) ijazah sarjana muda sains kepujian dalam bidang fizik (geofizik), geofizik, kaji bumi, kaji bumi (geofizik) dan kimia yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (ii) ijazah sarjana muda kejuruteraan dalam bidang perlombongan, mineral atau kaji logam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - (iii) kepujian Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (b) Peningkatan Secara Lantikan (PSL) daripada skim perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains tertakluk memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

### **Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains**

6. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains diperuntukkan perbekalan seperti berikut:

- (a) syarat lantikan:
- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
  - (ii) diploma kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (iii) diploma dalam bidang kimia atau kimia industri yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - (iv) kepujian subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (b) PSL ke skim perkhidmatan Pegawai Geosains Gred C41 yang kosong tertakluk memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

### **Skim Perkhidmatan Pembantu Geosains**

7. Skim perkhidmatan Pembantu Geosains diperuntukkan perbekalan seperti berikut:

- (a) syarat lantikan:
  - (i) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam salah satu daripada subjek Matematik, Fizik, Kimia atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
  - (ii) sijil dalam bidang ukur tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - (iii) kepujian Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (b) PSL ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains Gred C27 yang kosong tertakluk memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

8. Skim perkhidmatan Pegawai Geosains, Penolong Pegawai Geosains dan Pembantu Geosains adalah seperti di **Lampiran A, A1 dan A2**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**.

#### **KETUA PERKHIDMATAN**

9. Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan Pegawai Geosains, Penolong Pegawai Geosains dan Pembantu Geosains ialah Ketua Pengarah JMG.

#### **PELAKSANAAN**

##### **Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan**

10. Pegawai hendaklah ditukar lantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan yang sama atau berlainan pada gred yang setara dengan jawatan asal. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan. Sekiranya tiada gred setara, maka jawatan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh diwujudkan.

##### **Skim Perkhidmatan Pegawai Galian, Pegawai Kimia Bumi dan Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi)**

11. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Galian, Pegawai Kimia Bumi dan Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Geosains yang baharu mengikut gred ke gred seperti berikut:

- (a) Pegawai Galian Gred C41, Pegawai Kimia Bumi Gred C41 dan Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) Gred C41 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Geosains Gred C41;

- (b) Pegawai Galian Gred C44, Pegawai Kimia Bumi Gred C44 dan Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) Gred C44 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Geosains Gred C44;
- (c) Pegawai Galian Gred C48, Pegawai Kimia Bumi Gred C48 dan Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) Gred C48 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Geosains Gred C48;
- (d) Pegawai Galian Gred C52, Pegawai Kimia Bumi Gred C52 dan Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) Gred C52 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Geosains Gred C52;
- (e) Pegawai Galian Gred C54, Pegawai Kimia Bumi Gred C54 dan Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) Gred C54 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Geosains Gred C54; dan
- (f) Pegawai Galian dan Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) Gred Utama C dan Utama B/Utama A masing-masing akan ditukar lantik ke gred yang sama dalam skim perkhidmatan Pegawai Geosains.

### **Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Galian dan Penolong Pegawai Kimia Bumi**

12. Pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Galian dan Penolong Pegawai Kimia Bumi sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains yang baharu mengikut gred ke gred seperti berikut:

- (a) Penolong Pegawai Galian Gred C27 dan Penolong Pegawai Kimia Bumi Gred C27 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains Gred C27;

- (b) Penolong Pegawai Galian Gred C27 dan Penolong Pegawai Kimia Bumi Gred C32 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains Gred C32; dan
- (c) Penolong Pegawai Galian Gred C38 dan Penolong Pegawai Kimia Bumi Gred C38 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains Gred C38.

### **Skim Perkhidmatan Pembantu Galian dan Pembantu Kaji Bumi**

13. Pegawai dalam skim perkhidmatan Pembantu Galian dan Pembantu Kaji Bumi sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Geosains yang baharu mengikut gred ke gred seperti berikut:

- (a) Pembantu Galian Gred C17 dan Pembantu Kaji Bumi Gred C17 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Geosains Gred C17;
- (b) Pembantu Galian Gred C22 dan Pembantu Kaji Bumi Gred C22 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Geosains Gred C22; dan
- (c) Pembantu Galian Gred C26 dan Pembantu Kaji Bumi Gred C26 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Geosains Gred C26.

### **Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Sains di JMG**

14. Pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Sains yang melaksanakan fungsi tugas kaji bumi di JMG yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains yang baharu mengikut gred ke gred seperti berikut:

- (a) Penolong Pegawai Sains Gred C27 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains Gred C27;

- (b) Penolong Pegawai Sains Gred C32 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains Gred C32; dan
- (c) Penolong Pegawai Sains Gred C38 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains Gred C38.

### **Skim Perkhidmatan Pembantu Makmal di JMG**

15. Pegawai dalam skim perkhidmatan Pembantu Makmal yang melaksanakan fungsi tugas kimia bumi di JMG yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Geosains yang baharu mengikut gred ke gred seperti berikut:

- (a) Pembantu Makmal Gred C17 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Geosains Gred C17;
- (b) Pembantu Makmal Gred C22 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Geosains Gred C22; dan
- (c) Pembantu Makmal Gred C26 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Geosains Gred C26.

16. Jabatan ini [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)] akan melaksanakan perubahan jawatan Pegawai Galian, Pegawai Kimia Bumi, Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi), Penolong Pegawai Galian, Penolong Pegawai Kimia Bumi, Penolong Pegawai Sains, Pembantu Galian, Pembantu Kaji Bumi dan Pembantu Makmal dalam Senarai Perjawatan sedia ada.

17. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.



## **PEMBERIAN OPSYEN**

18. Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pegawai Galian, Pegawai Kimia Bumi, Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi), Penolong Pegawai Galian, Penolong Pegawai Kimia Bumi, Penolong Pegawai Sains, Pembantu Galian, Pembantu Kaji Bumi dan Pembantu Makmal bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

### **Pegawai Galian, Pegawai Kimia Bumi, Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi), Penolong Pegawai Galian, Penolong Pegawai Kimia Bumi, Pembantu Galian dan Pembantu Kaji Bumi**

19. Pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Galian, Pegawai Kimia Bumi, Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi), Penolong Pegawai Galian, Penolong Pegawai Kimia Bumi, Pembantu Galian dan Pembantu Kaji Bumi yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.

20. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Dengan ini:

- (a) pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP);
- (b) pegawai akan berada dalam skim perkhidmatan asal yang telah diumumkan dan tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal; dan
- (c) pegawai juga tidak layak menikmati keistimewaan dan penambahbaikan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Pegawai Geosains, Penolong Pegawai Geosains dan Pembantu Geosains yang baharu dan sebarang pindaan kepadanya.

## **Penolong Pegawai Sains dan Pembantu Makmal**

21. Pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Sains dan Pembantu Makmal yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.
22. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Pegawai berkenaan akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal serta tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal.
23. Semua pegawai yang terlibat akan diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.
24. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf **tetap** dan masih dalam perkhidmatan pada 1 November 2013, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.
25. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:
  - (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
  - (b) sedang bercuti;
  - (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
  - (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
  - (e) sedang menjalani hukuman tatatertib.

26. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

27. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 25, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

28. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Geosains, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:

- (a) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pegawai Geosains adalah seperti di **Lampiran C, C1 dan C2**.
- (b) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Penolong Pegawai Geosains adalah seperti di **Lampiran D, D1 dan D2**.
- (c) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pembantu Geosains adalah seperti di **Lampiran E, E1 dan E2**.

29. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan **sementara** atau **kontrak** dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.

## **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

30. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Pihak Berkuasa Melantik akan mewakilkan kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan dan melaporkan kepada jabatan ini (BPO) mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini sebelum 1 Mei 2014 mengikut format seperti di **Lampiran F**.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad;

- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

### **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

31. Pegawai akan ditawarkan gaji permulaan pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir yang diterima di gred jawatan asal pada tarikh kuat kuasa.

32. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang telah dikemas kini dan disahkan.

33. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ini adalah seperti di **Lampiran G**.

### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

34. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

### **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

35. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.

## **TARIKH KUAT KUASA**

36. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

## **PEMBATALAN**

37. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pegawai Galian, Penolong Pegawai Galian, Pembantu Galian, Pegawai Kimia Bumi, Penolong Pegawai Kimia Bumi, Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) dan Pembantu Kaji Bumi dalam pekeling perkhidmatan dan surat pekeling perkhidmatan berikut adalah dibatalkan kecuali untuk pegawai yang menolak opsyen:

- (a) skim perkhidmatan Pegawai Kimia Bumi, Pegawai Galian, Penolong Pegawai Galian dan Penolong Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) di bawah Pekeling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007; dan
- (b) skim perkhidmatan Pembantu Galian dan Pembantu Kaji Bumi di bawah Pekeling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains

## LAMPIRAN A

### SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI GEOSAINS

- KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN SAINS**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
- GREJ GAJI/ JAWATAN** : **C41, C44, C48, C52, C54**
- TARIKH KUAT KUASA** : **1 NOVEMBER 2013**
- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) (i) ijazah Sarjana Muda Sains kepujian dalam bidang kaji bumi, geofizik, fizik (geofizik), kaji bumi (geofizik) atau kimia yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C41: RM2,147.45); atau  
  
(ii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang perlombongan, mineral atau kaji logam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C41: RM2,355.01)
  2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
  3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Geosains adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Geosains Gred C41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
    - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau  
  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

- (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred C41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED C44**
11. Pegawai Geosains Gred C41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Geosains Gred C44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.



**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED C48**

12. Pegawai Geosains Gred C44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Geosains Gred C48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED C52**

13. Pegawai Geosains Gred C48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Geosains Gred C52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED C54**

14. Pegawai Geosains Gred C52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Geosains Gred C54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG  
LEBIH TINGGI**

15. Pegawai Geosains Gred C54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan skim perkhidmatan Pegawai Kimia Bumi, Pegawai Galian dan Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) yang berkuat kuasa pada 1.7.2007 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI GEOSAINS**

- KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN SAINS**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
- GRED JAWATAN/GAJI** : **C27, C32, C38**
- TARIKH KUAT KUASA** : **1 NOVEMBER 2013**
- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C27: RM1,374.00); atau  
  
(ii) diploma dalam bidang kejuruteraan, kimia atau kimia industri yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C27: RM1,749.12).
  2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
  3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Geosains adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Geosains Gred C27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
    - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau  
  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
    - (b) had umur pelantikan:
      - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred C27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED C32**
11. Penolong Pegawai Geosains Gred C27 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Geosains Gred C32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED C38**

12. Penolong Pegawai Geosains Gred C32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Geosains Gred C38 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEGAWAI GEOSAINS  
GRED C41**

13. Penolong Pegawai Geosains yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Geosains Gred C41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Galian dan Penolong Pegawai Kimia Bumi yang berkuat kuasa pada 1.7.2007 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU GEOSAINS**

- KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN SAINS**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
- GREDD GAJI/ JAWATAN** : **C17, C22, C26**
- TARIKH KUAT KUASA** : **1 NOVEMBER 2013**
- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam salah satu daripada subjek Matematik, Fizik, Kimia atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C17: RM933.00); atau  
  
(ii) sijil dalam bidang ukur tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C17: RM1,383.33).
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred C17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**
6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;

- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED C22**
10. Pembantu Geosains Gred C17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Geosains Gred C22 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED C26**
11. Pembantu Geosains Gred C22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Geosains Gred C26 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI GEOSAINS GRED C27**
12. Pembantu Geosains yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Geosains Gred C27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Galian dan Pembantu Kaji Bumi yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009)

**FORMAT IKLAN JAWATAN**

Rujukan Fail:

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan\* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN  
(PEGAWAI GEOSAINS)**

( Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik )

.....  
.....

---

Fail Ruj.:

Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)

Alamat : .....  
.....

Melalui Ketua Jabatan:

(Nama Ketua Jabatan)

.....  
.....

Tuan/Puan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENGGABUNGAN  
SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI GALIAN, PEGAWAI KIMIA BUMI DAN  
PEGAWAI KAJI BUMI (GEOFIZIK/KAJI BUMI) KEPADA PEGAWAI  
GEOSAINS MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

